



**PELUANG KERJAYA BERSAMA MARA  
DI IKM BINTULU**

Majlis Amanah Rakyat (MARA), sebuah agensi di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) yang berhasrat menjadi peneraju & *role model* kepada latihan kemahiran negara terunggul yang bertaraf dunia memerlukan warga kerja yang berilmu, berkeyakinan, inovatif dan kreatif, berdaya saing serta memiliki minda kelas pertama untuk menerajui MARA ke arah kecemerlangan di persada dunia. **Penduduk tempatan Sarawak yang memiliki ciri-ciri tersebut serta boleh menyumbang ke arah kecemerlangan MARA adalah dipelawa untuk mengisi jawatan seperti berikut :-**

JAWATAN	KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	KUMPULAN PERKHIDMATAN	GRED	JADUAL GAJI
1. PEGAWAI LATIHAN VOKASIONAL (Bidang Mekanikal, Petroleum, Elektrik & Elektronik)	PERKHIDMATAN KEJURUTERAAN	PENGURUSAN & PROFESIONAL	J41	P1T1 RM 2088.25 - P1T23 RM 4721.03 P2T1 RM 2184.26 - P2T23 RM 5015.88 P3T1 RM 2284.45 - P3T23 RM 5306.79
2. PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT	PERKHIDMATAN SISTEM MAKLUMAT	SOKONGAN	F29	P1T1 RM 1544.86 - P1T21 RM 3034.66 P2T1 RM 1615.95 - P2T21 RM 3237.37 P3T1 RM 1690.06 - P3T21 RM 3415.79
3. JURUTEKNIK KOMPUTER	PERKHIDMATAN SISTEM MAKLUMAT	SOKONGAN	FT17	P1T1 RM 843.06 - P1T26 RM 2325.37 P2T1 RM 896.00 - P2T26 RM 2452.46 P3T1 RM 950.45 - P3T26 RM 2583.95
4. JURUTEKNIK (BANGUNAN)	PERKHIDMATAN KEJURUTERAAN	SOKONGAN	J17	P1T1 RM 843.06 - P1T26 RM 2325.37 P2T1 RM 896.00 - P2T26 RM 2452.46 P3T1 RM 950.45 - P3T26 RM 2583.95
5. PENJAGA JENTERA ELEKTRIK	PERKHIDMATAN MAHIR/SEPARUH MAHIR/TIDAK MAHIR	SOKONGAN	R17	P1T1 RM 1166.74 - P1T15 RM 1981.96 P2T1 RM 1218.17 - P2T15 RM 2083.39 P3T1 RM 1271.11 - P3T15 RM 2189.21

## A. KELAYAKAN

### 1. JAWATAN :

**PEGAWAI LATIHAN  
VOKASIONAL**

### BIDANG :

- i. Kejuruteraan Mekanikal
- ii. Kejuruteraan Petroleum
- iii. Kejuruteraan Elektrik
- iv. Kejuruteraan Elektronik

a. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- i. warganegara Malaysia;
- ii. berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- iii. ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred J41 : P1T1)

dan iv. lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

- v. pemohon mestilah mempunyai kelayakan ijazah dalam bidang Pengkhususan yang sesuai dengan jawatan yang dipohon.
- vi. pegawai yang sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Penolong Pegawai Latihan Vokasional Gred J29/J30/J35/J36/J37/J38 adalah layak dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat ke Jawatan Pegawai Latihan Vokasional Gred J42, tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila :-

a. Disahkan dalam perkhidmatan

- b. i) mempunyai kelayakan di perenggan (ii); **atau**  
ii) lulus Peperiksaan Khas;

c. Mencapai tahap prestasi yang ditetapkan

d. lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

e. diperakukan oleh ketua perkhidmatan.

**2. JAWATAN :**

**PENOLONG PEGAWAI  
TEKNOLOGI MAKLUMAT**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
  - i. warganegara Malaysia;
  - ii. berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
  - iii. diploma dalam bidang sains komputer atau teknologi maklumat yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;  
  
(Gaji permulaan ialah pada Gred F29 : P1T1); atau
  - iv. diploma dalam bidang kejuruteraan elektronik (komputer) yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;  
  
(Gaji permulaan ialah pada Gred F29 : P1T2);
- dan v. lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**2. Syarat Kenaikan Pangkat Secara Lantikan:**

Pegawai yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Juruteknik Komputer adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke Jawatan Penolong Pegawai Teknologi Maklumat F29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan :-

- (i) mempunyai kelayakan di perenggan iii & iv di atas; dan
- (ii) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

**3. JAWATAN :**

**JURUTEKNIK KOMPUTER**

- a. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-
  - i. warganegara Malaysia;
  - ii. berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

- iii. Sijil Pelajaran Malaysia serta lulus subjek elektrik atau elektronik atau teknologi maklumat pada peringkat peperiksaan tersebut atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan ;  
  
(Gaji permulaan ialah pada Gred FT17: P1T1); atau
- iv. sijil dalam bidang teknologi maklumat atau prosesan data yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya;  
  
(Gaji Permulaan ialah pada Gred FT17: P1T6); atau
- v. sijil dalam bidang kejuruteraan elektronik (komputer) yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya  
  
(Gaji permulaan ialah pada Gred FT17: P1T9);
- dan vi. lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

b. Syarat Kenaikan Pangkat Secara Lantikan:

Pegawai yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Operator Mesin Prosesan Data adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke Jawatan Juruteknik Komputer Gred FT17, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan :-

- i. mempunyai kelayakan di perenggan (iii),(iv) di atas; atau
- ii. lulus Peperiksaan Khas atau hadir dengan jayanya kursus peralihan Juruteknik Komputer yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan; **dan**
- iii. berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

4. JAWATAN :

**JURUTEKNIK (BANGUNAN)**

- a. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-
  - i. warganegara Malaysia;
  - ii. berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

- iii. sijil dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred J17 : P1T8);

- dan iv. lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**5. JAWATAN :**

**PENJAGA JENTERA  
ELEKTRIK**

- a. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-
  - i. warganegara Malaysia;
  - ii. berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
  - iii. tamat tingkatan III sekolah menengah rendah bantuan penuh kerajaan;
  - iv. sekurang-kurangnya mempunyai sijil AO (Sistem Pepasangan Kilang-kilang) yang dikeluarkan oleh Jemaah Pemeriksa Elektrik atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;
- dan v. berkebolehan bertutur , membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan.

**b. Syarat Kenaikan Pangkat Secara Lantikan:**

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Tukang K2 (Tukang Elektrik), Tukang K3 (Pendawai dan Pencari Kerosakan) adalah layak dipertimbangkan Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan kejawatan Penjaga Jentera Elektrik Gred R17, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

- i. mempunyai kelayakan di perenggan (iv) di atas; dan
- ii. berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

**B. TARAF JAWATAN :** Tetap

**C. CARA MEMOHON :**

- a. Permohonan hendaklah dibuat secara online yang boleh dilayari melalui laman web **MARA** iaitu [http:// www.mara.gov.my](http://www.mara.gov.my).
- b. Tarikh permohonan dibuka bermula daripada **9 November 2010** hingga **21 November 2010**.
- c. Calon-calon yang terdiri daripada pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) hendaklah melengkapkan borang elektronik dilaman web MARA. Pemohon hendaklah membuat permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing dan pastikan salinan sijil-sijil kelulusan yang disahkan dan lain-lain dokumen, Kenyataan Perkhidmatan serta Laporan Prestasi Tahunan terkini dibawa bersama semasa temuduga.
- d. Bagi kakitangan yang sedang berkhidmat dengan MARA, salinan sijil-sijil kelulusan yang disahkan dan lain-lain keterangan peribadi beserta **LAPORAN SULIT KHAS** yang dimeteri oleh Ketua Jabatan masing-masing hendaklah dibawa bersama semasa temuduga.
- e. Tarikh tutup permohonan ialah pada **21 November 2010**.

**D. PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN**

Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan jawatan-jawatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

**E. CARA PELAKSANAAN**

1. Semua permohonan yang diterima akan ditapis dan disaring berasaskan kepada kriteria-kriteria tertentu yang telah ditetapkan.
2. **Pemohon-pemohon yang layak sahaja akan dihubungi oleh MARA untuk maklumat sesi pemilihan.** Mereka yang tidak dihubungi dalam masa enam (6) bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka sebagai tidak berjaya.
4. Pemohon yang mempunyai kelayakan Sijil / Diploma / Ijazah dari Institusi Luar Negara dan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPT) hendaklah membuat semakan **pengiktirafan kelayakan** melalui laman web **JPA** iaitu : [www.interactive.jpamy](http://www.interactive.jpamy) dan hendaklah

mengemukakan salinan pengiktirafan tersebut semasa temuduga nanti.

Sekian.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“1MALAYSIA: RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN”**



**(ABDUL RASHID BIN MOHD SAID)**

Pengarah

Bahagian Sumber Manusia

MARA

***“MARA terus mara”***